A

Nadzri bin Nordin lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–104 TAHUN 2009
HASAN LAH, ABDUL MALIK ISHAK DAN MOHTARUDIN BAKI HHMR
23 APRIL 2012

C

Keterangan — Saksi — Kredibiliti — Sama ada keterangan saksi boleh diterima — Saksi seorang pegawai polis — Tiada sebab untuk saksi memfitnah atau menganiayai perayu

D

Prosedur Jenayah — Bicara — Penghujahan — Tuduhan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 — Keputusan dibuat oleh hakim perbicaraan di akhir kes selepas kedua-dua pihak mengemukakan hujah bertulis — Peguambela perayu tidak diberi peluang berhujah secara lisan — Sama ada keputusan teratur

E

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39A(2) — Milikan — Kanabis — Rayuan — Dadah dijumpai dalam beg di dalam bilik perayu — Pembelaan bahawa beg kepunyaan pihak ketiga — Sama ada hakim bicara gagal membuat dapatan atau keputusan berkaitan dengan isu pengedaran — Pihak pendakwa hanya membuktikan kes pemilikan — Sabitan di bawah s 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 digantikan dengan sabitan di bawah s 6 dibaca bersama s 39A(2)

F

G

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(2) — Pengedaran — Kanabis — Rayuan — Dadah dijumpai dalam dua bungkusan yang dipegang oleh perayu — Sama ada perayu mempunyai pengetahuan dan milikan sebenar kanabis — Sama ada jagaan dan kawalan dibuktikan — Sama ada anggapan di bawah s 37(d) terpakai — Sama ada terdapat kelompongan dalam kes pendakwa kerana gagal memanggil isteri perayu sebagai saksi — Perayu dalam keadaan tergamam dan terkejut semasa ditahan — Sama ada pembelaan menimbulkan keraguan yang munasabah

H

I

Berdasarkan maklumat yang diterima tentang kegiatan pengedaran dadah di rumah no 22, Lorong 1, Taman Sri Kota, Taiping ('rumah tersebut'), Cif Inspektor Ng ('SP4') bersama-sama anggotanya telah pergi ke rumah tersebut. Mereka telah memasuki rumah tersebut dan SP4 telah memperkenalkan dirinya sebagai polis kepada isteri perayu. Perayu keluar dari sebuah bilik dengan memegang dua bungkusan surat khabar mengandungi ganja. SP4 telah

menahan perayu dan merampas dua bungkusan surat khabar tersebut. SP4 dan SP5 seterusnya memasuki bilik bersama-sama perayu di mana perayu keluar sebelum itu dan telah menjumpai sebuah beg ('P12') mengandungi ganja. Daripada bilik tersebut juga SP4 merampas dua buku akaun perayu, dompet yang mengandungi lesen memandu perayu dan kad nama perayu. Perayu telah didakwa dengan dua kesalahan di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') kerana mengedar kanabis seberat 214.1g dan 10619g. Di dalam pembelaannya perayu mengaku dia menyewa rumah tersebut dan bahawa bilik tersebut digunakan olehnya sebagai pejabatnya. Menurut perayu, seorang bernama Rashid telah datang ke rumahnya dengan membawa beg (P12) dan meletakkan beg tersebut di bawah meja di dalam bilik itu. Menurut perayu Rashid memberitahunya beg (P12) adalah beg pakaiannya dan Rashid telah bermalam di bilik tersebut pada malam itu. Perayu menafikan dia ada memegang dua bungkusan yang berisi dadah semasa dia keluar dari bilik tersebut. Menurutnya dadah yang dirampas oleh SP4 adalah dijumpai di dalam beg (P12) di dalam bilik tersebut. Rashid telah ditangkap oleh polis pada hari yang sama di belakang rumah perayu hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu yang mana dadah ganja sebanyak lebih kurang 3kg didapati dari Rashid. Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kedua-dua kesalahan tersebut dan telah merayu terhadap keputusan hakim perbicaraan. Perayu telah berhujah bahawa peguambela perayu tidak diberi peluang untuk berhujah secara lisan di akhir kes selepas pihak timbalan pendakwa raya ('TPR') berhujah. Berkenaan pertuduhan pertama, perayu telah berhujah bahawa: (i) hakim perbicaraan telah tersilap apabila menerima keterangan SP4 dan SP5 dan menolak keterangan perayu; (ii) inferens yang bertentangan patut dikenakan ke atas kes pendakwaan kerana kegagalan pihak pendakwa memanggil isteri perayu sebagai saksi bagi pihak pendakwa; dan (iii) pihak pendakwa hanya berjaya membuktikan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kedua-dua bungkusan surat khabar tersebut tanpa mengetahui ia mengandungi kanabis. Bagi pertuduhan kedua, peguamcara terpelajar perayu telah berhujah bahawa: (i) di akhir kes pendakwaan hakim perbicaraan tidak menyatakan anggapan di bawah s 37(d) terpakai; dan (ii) hakim perbicaraan tersalah arah apabila memutuskan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg (P12).

Diputuskan, menolak rayuan perayu terhadap pertuduhan pertama dan membenarkan rayuan perayu terhadap kesalahan kedua:

(1) Selepas TPR mengemukakan hujah bertulisnya di akhir kes, peguambela perayu telah mengemukakan hujah bertulisnya. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan di akhir kes adalah dibuat selepas kedua-dua pihak mengemukakan hujah bertulis masing-masing. Walaupun peguambela perayu tidak diberi peluang untuk berhujah secara lisan sebelum hakim perbicaraan memberi keputusannya,

keputusan yang diberi oleh hakim perbicaraan adalah teratur kerana peguambela perayu telah berpeluang mengemukakan hujah bertulisnya (lihat perenggan 28).

(2) Hakim perbicaraan memiliki kelebihan dalam menentukan sama ada keterangan SP4 boleh dipercayai atau tidak. SP4 adalah seorang pegawai polis dan tiada sebab dia hendak memfitnah atau menganiayai perayu, oleh itu keterangannya boleh diterima (lihat perenggan 32); *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644 dirujuk; *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 dirujuk; *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257 dirujuk.

(3) Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan bagi pertuduhan pertama bahawa perayu mempunyai milikan sebenar kanabis tersebut tanpa perlu memanggil isteri perayu memberi keterangan. Berkaitan pertuduhan kedua, beg P12 berada di dalam jagaan dan kawalan perayu. Maka, tiada kelompongan dalam kes pendakwa walaupun isteri perayu tidak dipanggil sebagai saksi (lihat perenggan 36).

(4) Adalah tidak munasabah untuk perayu tidak mengetahui kedua-dua bungkusan surat khabar itu mengandungi cannabis. Di samping itu menurut SP4 ketika SP4 menahan perayu, perayu dilihat dalam keadaan tergamam dan terkejut. Juga adalah menjadi pengetahuan umum bahawa kanabis mengeluarkan bau. Jadi, sudah semestinya perayu dapat bau kanabis tersebut (lihat perenggan 38); *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1 dirujuk.

(5) Pihak pendakwa telah berjaya membuktikan di akhir kes pendakwaan bahawa beg P12 berada dalam jagaan dan kawalan perayu. Oleh itu hakim perbicaraan membuat keputusan yang betul apabila beliau menggunakan anggapan di bawah s 37(d) ADB terhadap perayu untuk membuktikan perayu mempunyai milikan ke atas kanabis yang berada di dalam beg tersebut (lihat perenggan 42).

(6) Hakim perbicaraan tidak melakukan apa-apa salah arahan dalam keputusannya apabila beliau menolak pembelaan perayu terhadap pertuduhan kedua mengenai isu kawalan dan jagaan beg P12 tersebut dan seterusnya memutuskan perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan mengenai isu kawalan dan jagaan. Tidak ada apa-apa dokumen atau barang lain yang dijumpai dalam beg P12 untuk menunjukkan beg itu kepunyaan Rashid (lihat perenggan 47).

(7) Hakim perbicaraan telah tersalah arah apabila mensabitkan perayu dengan kesalahan mengedar dadah bagi pertuduhan kedua. Hakim perbicaraan telah tidak membuat dapatan atau keputusan berkaitan dengan isu pengedaran kanabis dalam pertuduhan kedua. Ini bermakna perayu tidak sepatutnya disabitkan di bawah s 39B(1)(a) ADB bagi

pertuduhan kedua. Apa yang diputuskan oleh hakim perbicaraan ialah pihak pendakwa telah membuktikan kes pemilikan kanabis di bawah pertuduhan kedua melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu, iaitu kesalahan di bawah s 6 dibaca bersama-sama dengan s 39A(2) Akta. Maka, sabitan dan hukuman ke atas perayu di bawah s 39B(1) Akta diketepikan dan digantikan dengan sabitan di bawah s 6 dibaca bersama s 39A(2) ADB (lihat perenggan 51).

[English summary

Based on the information received on drug trafficking activities at house No 22, Lorong 1, Taman Sri Kota, Taiping ('the house'), Chief Inspector Ng ('SP4') together with his men went to the house. They entered the house and SP4 introduced himself as the police to the appellant's wife. The appellant alighted from a room with two newspapers packages containing cannabis. SP4 had then apprehended the appellant and confiscated the two newspaper packages. SP4 and SP5 subsequently entered the room from which the appellant alighted with the appellant and found a bag ('P12') containing cannabis. From the room also, SP4 confiscated two account books belonging to the appellant, a wallet containing the appellant's driving licence and the appellant's name card. The appellant was charged with two offences under s 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') for trafficking in cannabis weighing 214,1g and 10619g. In his defence, the appellant admitted to have rented the house and that the room was used by him as his office. According to the appellant, one Rashid came to his house carrying a bag (P12) and put the bag under the table in the room. According to the appellant, Rashid told him that the bag (P12) was his bag of clothes and Rashid had spent the night in the room on that night. The appellant denied that he held the two packages containing drugs when he came out of the room. According to him, the drugs confiscated by SP4 were found in the bag (P12) in the room. Rashid had been arrested by the police on the same day at the back of the appellant's house based on the information given by the appellant where the cannabis drug weighing approximately 3kg was found on Rashid. The appellant was found guilty and convicted on both the offences and had appealed against the decision of the trial judge. The appellant contended that the appellant's counsel had not been given the opportunity to deliver an oral submission at the end of the case after the deputy public prosecutor ('DPP') had submitted. With regard to the first charge, the appellant contended that: (i) the trial judge had erred in admitting the evidence of SP4 and SP5 and rejected the appellant's evidence; (ii) an adverse inference ought to have been drawn on the prosecution's case for the prosecution's failure to call the appellant's wife as a witness for the prosecution; and (iii) the prosecution had only been successful in proving the appellant had the custody and control of both the newspaper packages without knowing that it contained cannabis. For the second charge, learned counsel contended that: (i) at the end of the prosecution's case, the trial judge did not state that the presumption under s 37(d) was applicable; (ii) the trial judge had misdirected

A when he decided that the appellant had the control and custody of the bag (P12).

Held, dismissing the appellant's appeal on the first charge and allowing the appellant's appeal on the second offence:

B (1) After the DPP submitted his written submission at the end of the case, the appellant's counsel had adduced his written submission. Therefore the decision made by the trial judge at the end of the case was made after both parties adduced their respective written submissions. Although the appellant's counsel had not been given the opportunity to submit orally C before the trial judge delivered his decision, the decision given by the trial judge was regular as the appellant's counsel had the opportunity to adduce his written submissions (see para 28).

(2) The trial judge had the advantage in deciding whether the evidence of D SP4 was reliable or not. SP4 was a police officer and there was no reason for him to defame or frame the appellant, thus his evidence was admissible (see para 32); *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644 referred; *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232 referred; *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ E 257 referred.

(3) The prosecution had successfully proven in the first charge that the appellant had the actual possession of the cannabis without having to call the appellant's wife to testify. Pertaining to the second charge, the bag P12 was in the appellant's custody and control. Therefore, there was no F flaw in the prosecution's case although the appellant's wife was not called as a witness (see para 36).

(4) It was unreasonable for the appellant not to know that both the newspaper packages contained cannabis. Apart from that, according to G SP4, when SP4 apprehended the appellant, the appellant was in a condition of being stunned and shocked. It was also generally known that cannabis releases smell. Therefore, the appellant would have been able to smell the cannabis (see para 38); *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1 referred.

H (5) The prosecution had proven at the end of the prosecution's case that the bag P12 was in the appellant's custody and control. Therefore the trial judge had made the correct decision when he applied the presumption under s 37(d) of the DDA against the appellant to prove that the I appellant had the possession of the cannabis which were in the bag (see para 42).

(6) The trial judge had not misdirected in his decision when he rejected the appellant's defence against the second charge on the issue of custody and control of the bag P12 and further to decide that the appellant had failed

to raise a reasonable doubt on the prosecution's case on the issue of custody and control. There was no document or other materials found in the bag P12 to show that the bag belonged to Rashid (see para 47).

(7) The trial judge had misdirected in convicting the appellant for the offence of trafficking in drugs on the second charge. The trial judge had not made the findings or decision with regard to the issue of trafficking in cannabis in the second charge. This meant that the appellant ought not to have been convicted under s 39B(1)(a) of the DDA for the second charge. What had been decided by the trial judge was that the prosecution had proven a case of possession of cannabis under the second charge beyond reasonable doubt against the appellant, ie an offence under s 6 read together with s 39A(2) of the DDA. Therefore, the conviction and the sentence upon the appellant under s 39B(1) of the DDA was set aside and substituted with the conviction under s 6 read together with s 39A(2) of the DDA (see para 51).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kredibiliti, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2011 Reissue) perenggan 3029–3086.

Untuk kes-kes mengenai penghujahan, lihat 5(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 5639–5640.

Untuk kes-kes mengenai s 39A(2), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 403–408.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(2), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 724–740.

Kes-kes yang dirujuk

Andy bin Bagindah v PP [2000] 3 MLJ 644; ,[2000] 3 CLJ 289, MR (dirujuk)

Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v PP [1983] 2 MLJ 232, MP (dirujuk)

Lee Kwan Woh v PP [2009] 5 MLJ 301,; [2009] 5 CLJ 631, MP (dirujuk)

PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1,; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)

PP v Mohamed Ali [1962] 1 MLJ 257 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 6, 37(d), (da), 39A(2), 39B(1), (1)(a), (2)

Akta Keterangan 1950 ss 15, 114(g)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 58–05 & 06 Tahun 2001 (Mahkamah Tinggi, Taiping)

Gurbachan Singh (Bachan & Kartar) bagi pihak perayu.

Andi Razalijaya bin A Dadi (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Hasan Lah HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan dua kesalahan di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') kerana mengedar cannabis seberat 214.1g dan 10619g pada 2 Jun 2000 oleh Mahkamah Tinggi Taiping pada 14 Mei 2009.

[2] Perayu telah merayu terhadap keputusan hakim perbicaraan dan kami dengan sebulat suara telah menolak rayuan perayu terhadap kesalahan pertama manakala rayuan perayu terhadap kesalahan kedua telah dibenarkan, iaitu sabitan dan hukuman di bawah s 39B(2) diketepikan dan digantikan dengan sabitan dan hukuman di bawah s 6 dibaca bersama-sama dengan s 39A(2) Akta dan perayu dijatuhi hukuman penjara selama 15 tahun mulai dari tarikh tangkap dan hukuman sepuluh sebatan rotan. Berikut adalah alasan-alasan keputusan kami.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[3] Pada 2 Jun 2000 Cif Inspektor Ng Wei Boon ('SP4') telah menerima maklumat tentang kegiatan pengedaran dadah di kawasan rumah No 22, Lorong 1, Taman Sri Kota, Taiping ('rumah tersebut'). SP4, bersama-sama anggotanya telah pergi ke rumah tersebut pada jam 10.55 pagi. Pintu pagar rumah tersebut terbuka luas dan pintu hadapan rumah tersebut dalam keadaan terbuka. SP4 dan D/Kpl Moey Keong Huat ('SP5') terus memasuki rumah tersebut melalui pintu hadapan dan menghampiri isteri perayu yang sedang berdiri di ruang tamu rumah tersebut dan memperkenalkan dirinya polis.

[4] Perayu keluar dari sebuah bilik dengan memegang dua bungkusan surat khabar. SP4 menahan perayu dan merampas dua bungkusan surat khabar tersebut. SP4 mendapati setiap bungkusan surat khabar tersebut mengandungi satu ketulan mampat daun kering yang disyaki ganja.

[5] SP4 dan SP5 seterusnya memasuki bilik bersama-sama perayu di mana perayu keluar sebelum itu untuk menjalankan pemeriksaan. SP4 menjumpai satu beg warna merah bata jenama Poly Pac ('P12') di bawah meja dalam bilik tersebut. Di dalam beg tersebut SP4 mendapati terdapat dua ketulan mampat daun kering yang disyaki ganja dan enam paket plastik berisi ketulan-ketulan daun-daun kering disyaki ganja. Daripada bilik tersebut juga SP4 merampas dua buku akaun perayu, dompet yang mengandungi lesen memandu perayu dan kad nama perayu.

[6] SP4 telah membawa balik barang-barang kes dan perayu ke IPD Taiping

dan menyerahkan barang-barang kes dan perayu kepada pegawai penyiasat, ASP Ravichandran a/l Ramadas ('SP6'). Pada 5 Jun 2000 SP6 telah menyerahkan barang-barang kes tersebut kepada ahli kimia, Lam Yoke Ching ('SP7') di Jabatan Kimia Ipoh untuk dianalisis. Pada 21 Ogos 2000, SP6 menerima balik barang-barang kes daripada SP7 dan laporan kimia bertarikh 3 Julai 2000.

[7] SP7 mengesahkan dua ketulan mampat daun-daun kering yang terdapat dalam kedua-dua bungkusan surat khabar adalah cannabis seberat 214.1g dan dua ketulan mampat daun-daun kering yang terdapat di dalam beg P12 tersebut adalah juga cannabis yang masing-masingnya mempunyai berat bersih 547g dan 444.9g. SP7 juga mendapati daun-daun kering mampat yang terdapat di dalam enam paket plastik adalah cannabis dengan jumlah berat 70g.

[8] Cannabis di dalam dua bungkusan surat khabar yang dirampas dari pegangan perayu adalah menjadi hal perkara kepada pertuduhan pertama manakala cannabis yang dirampas dari beg P12 menjadi hal perkara pertuduhan kedua.

PEMBELAAN

[9] Di dalam pembelaannya perayu mengaku dia menyewa rumah tersebut dan bilik di mana beg P12 dirampas digunakan olehnya sebagai pejabat untuk perniagaan kereta sewanya.

[10] Pada 31 Mei 2000 seorang yang bernama Rashid telah datang ke rumahnya dengan membawa beg P12 dan meletakkan beg tersebut di bawah meja di dalam bilik di mana beg tersebut dirampas oleh SP4. Menurut perayu Rashid memberitahunya beg tersebut adalah beg pakaiannya. Rashid bermalam di bilik tersebut pada malam itu.

[11] Pada 1 Jun 2000 perayu dan keluarganya ke Kuala Lumpur. Rashid telah keluar dari rumah perayu pada pagi itu sebelum perayu bertolak ke Kuala Lumpur dan memberitahu perayu yang dia meninggalkan beg P12 di dalam bilik tersebut.

[12] Perayu balik ke Taiping pada 2 Jun 2000 jam 4 pagi. Pada pukul 10 pagi, dia masuk ke bilik tersebut untuk urusan perniagaan kereta sewanya dan dia melihat beg P12 berada di bawah meja. Pada jam 11 pagi hari kejadian, perayu mendengar isterinya memanggil 'abang, polls cari'. Pada masa itu perayu berada di dalam bllik tersebut. Perayu mengatakan sebelum isterinya memanggilnya dia ada mendengar polis memperkenalkan diri kepada isterinya.

[13] Perayu menafikan dia ada memegang dua bungkusan yang berisi dadah semasa dia keluar dari bilik tersebut. Menurutnya dadah yang dirampas oleh SP4 adalah dijumpai di dalam beg P12 di dalam bilik tersebut. Perayu seterusnya menyatakan dia ada memberitahu polis yang beg P12 tersebut adalah kepunyaan Rashid pada masa dia ditangkap dan dia juga ada memberi maklumat mengenai Rashid pada hari dia ditangkap.

[14] Rashid telah ditangkap oleh polis pada hari yang sama pada jam 7 atau 8 malam di belakang rumah perayu hasil daripada maklumat yang diberikan oleh perayu di mana dadah ganja sebanyak lebih kurang 3kg didapati darinya.

[15] Mengenai pertuduhan pertama, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan melalui keterangan terus bahawa perayu mempunyai milikan ke atas 214.1g cannabis yang dipegangnya dan memandangkan berat cannabis tersebut melebihi berat anggapan statutori pengedaran di bawah s 37(da) Akta, maka perayu dianggap mengedar dadah tersebut.

[16] Hakim perbicaraan memutuskan pembelaan perayu terhadap pertuduhan pertama hanyalah penafian semata-mata.

[17] Bagi pertuduhan kedua, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap beg P12 tersebut. Oleh itu hakim perbicaraan berpendapat peruntukan s 37(d) Akta terpakai terhadap perayu untuk pihak pendakwa membuktikan perayu mempunyai milikan ke atas cannabis di dalam beg P12.

[18] Mengenai pembelaan perayu terhadap pertuduhan kedua, hakim perbicaraan telah memutuskan bahawa watak dan peranan Rashid adalah 'an afterthought'. Ini adalah kerana perkara tersebut tidak dikemukakan kepada saksi-saksi pendakwaan semasa mereka disoal balas oleh peguambela perayu.

[19] Di akhir kes, hakim perbicaraan memutuskan pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu ke atas kedua-dua pertuduhan.

RAYUAN

[20] Dalam rayuan di hadapan kami peguamcara terpelajar perayu telah berhujah bahawa keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan di akhir kes

adalah tidak teratur dari segi prosedurnya kerana peguambela perayu tidak diberi peluang untuk berhujah secara lisan di akhir kes selepas pihak timbalan pendakwa raya berhujah.

[21] Seterusnya, berkaitan dengan pertuduhan pertama, peguamcara perayu juga berhujah bahawa:

(a) hakim perbicaraan telah tersilap apabila menerima keterangan SP4 dan SP5 dan menolak keterangan perayu;

(b) inferens yang bertentangan patut dikenakan ke atas kes pendakwaan kerana kegagalan pihak pendakwa memanggil isteri perayu sebagai saksi bagi pihak pendakwa; dan

(c) berdasarkan keterangan yang ada, pihak pendakwa hanya berjaya membuktikan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kedua-dua bungkusan surat khabar tersebut tanpa mengetahui ia mengandungi cannabis, iaitu kesalahan memiliki cannabis seberat 214.1g sahaja.

[22] Bagi pertuduhan kedua, peguamcara terpelajar perayu juga telah berhujah bahawa:

(a) di akhir kes pendakwaan hakim perbicaraan tidak menyatakan anggapan di bawah s 37(d) terpakai;

(b) hakim perbicaraan tersalah arah apabila memutuskan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg P12; dan

(c) hakim perbicaraan tersilap apabila memutuskan terdapat keterangan fakta yang serupa (*similar fact evidence*) di bawah s 15 Akta Keterangan 1950 terhadap perayu.

KEPUTUSAN

[23] Peguamcara terpelajar perayu telah merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kwan Woh v Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301; [2009] 5 CLJ 631 untuk menyokong hujah beliau bahawa disebabkan hakim perbicaraan tidak memberi peluang kepada peguambela perayu menjawab hujah timbalan pendakwa raya secara lisan di akhir kes sebelum hakim perbicaraan memberi keputusannya maka terdapat ketakpatuhan prosedur dalam kes ini.

[24] Dalam kes *Lee Kwan Woh* Mahkamah Persekutuan, melalui Gopal Sri Ram FCJ, telah memutuskan antara lainnya bahawa hak seorang tertuduh untuk mendapat satu perbicaraan adil yang dijamin oleh perlembagaan termasuk hak beliau untuk membuat satu penghujahan tiada kes pada

penghujung kes pendakwaan. Ia adalah hak yang beliau boleh mengenepikan, tetapi ia tidak boleh dilucutkan dari beliau.

[25] Untuk mengetahui apa yang terjadi di dalam kes ini kita perlu merujuk kepada nota prosiding kes ini. Pada 28 Ogos 2008 hakim perbicaraan, dengan kehadiran timbalan pendakwa raya dan peguambela perayu, telah menetapkan tarikh 22 Oktober 2008 untuk pihak-pihak membuat hujah di akhir kes. Malangnya pada 22 Oktober 2008, peguambela perayu tidak hadir walaupun perayu dan timbalan pendakwa raya hadir. Oleh itu hakim perbicaraan telah menetapkan tarikh 11 November 2008 untuk penghujahan di akhir kes. Pada 11 November 2008 sekali lagi peguambela perayu tidak hadir walaupun perayu dan timbalan pendakwa raya hadir. Ada dicatatkan dalam nota prosiding pada tarikh tersebut bahawa bapa perayu memaklumkan kepada mahkamah bahawa peguambela perayu ada memberi surat kepadanya dan memintanya hadir ke mahkamah dan memaklumkan kepada mahkamah bahawa peguambela perayu ada kes di Shah Alam pada hari itu.

[26] Timbalan pendakwa raya telah mengemukakan hujah bertulisnya kepada mahkamah dan satu salinan hujah tersebut diserahkan kepada perayu dan hakim perbicaraan telah menetapkan tarikh 8 Januari 2009 untuk keputusan.

[27] Dalam pada itu hakim perbicaraan telah bertukar dan kes telah disebut di hadapan pesuruhjaya kehakiman pada 8 Januari 2009, 5 Februari 2009, 7 April 2009 dan 14 Mei 2009. Pada 14 Mei 2009 kes disebut di hadapan hakim perbicaraan dengan dihadiri oleh timbalan pendakwa raya, perayu dan peguam K Subramaniam yang menyebut bagi pihak peguambela perayu. Pada tarikh tersebut hakim perbicaraan telah menyampai keputusannya di mana perayu telah didapati bersalah terhadap kedua-dua pertuduhan tersebut.

[28] Persoalannya di sini, berdasarkan fakta dan latar belakang kes ini bolehkah kami menerima hujah peguamcara terpelajar perayu bahawa keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan tidak teratur dari segi prosedur kerana peguambela perayu tidak diberi peluang untuk berhujah secara lisan oleh hakim perbicaraan di akhir kes? Apa yang jelas ialah peguambela perayu juga ada mengemukakan hujah bertulis di akhir kes yang bertarikh 7 Januari 2009 sebagaimana yang terdapat pada ms 130–132 rekod rayuan. Ini bermakna selepas timbalan pendakwa raya mengemukakan hujah bertulisnya di akhir kes, pihak peguambela perayu telah mengemukakan hujah bertulisnya. Oleh itu keputusan yang dibuat oleh hakim perbicaraan di akhir kes adalah dibuat selepas kedua-dua pihak mengemukakan hujah bertulis masing-masing. Pada pendapat kami walaupun peguambela perayu tidak diberi peluang untuk berhujah secara lisan sebelum hakim perbicaraan memberi keputusannya, keputusan yang diberi oleh hakim perbicaraan adalah

teratur kerana peguambela perayu telah berpeluang mengemukakan hujah bertulisnya. Oleh itu kami berpendapat apa yang dihujahkan oleh peguamcara terpelajar perayu mengenai isu ini adalah tidak bermerit.

[29] Mengenai pertuduhan pertama peguamcara terpelajar perayu berhujah bahawa hakim perbicaraan telah tersilap apabila menerima keterangan SP4 dan menolak keterangan perayu. Menurut peguamcara terpelajar perayu keterangan SP4 bahawa dia mengenalkan dirinya kepada isteri perayu di dalam rumah tersebut dengan menunjukkan kad kuasanya sahaja tanpa menyebut bahawa dia polis adalah diragukan kerana keterangan SP4 tidak disokong oleh keterangan SP5 dan juga berdasarkan laporan polis SP4 iaitu eksh P18. Dalam keterangannya perayu mengatakan sebelum isterinya memanggilnya dia (yang pada masa itu berada di dalam bilik tersebut) mendengar polis memperkenalkan diri mereka kepada isterinya.

[30] Dalam laporan polis P18, SP4 cuma mengatakan 'setelah saya perkenalkan diri Pegawai Polis'. Dalam keterangan di mahkamah, SP4 mengatakan dia memperkenalkan dirinya kepada isteri perayu dengan hanya menunjukkan kad kuasa. SP5 pula di dalam keterangan menyatakan seperti berikut:

> Saya lihat seorang perempuan Melayu sedang mengelap rambut di ruang tamu rumah itu. SP4 terus memperkenalkan dirinya polis dan saya dengar perempuan itu menyebut/memanggil 'abang'.

[31] Hakim perbicaraan, dalam keputusannya, telah membuat dapatan fakta berikut:

> Tertuduh dalam pembelaannya menafikan beliau memegang dua ketul ganja tersebut. Akan tetapi fakta-fakta berikut tidak dinafikan:
>
> (a) tertuduh berada di dalam Bilik E semasa SP4 datang bersama pasukannya;
>
> (b) kehadiran SP4 dan pasukannya dalam rumah dan mendapatkan isteri tertuduh tidak disedari oleh tertuduh kerana pintu rumah tempat kejadian terbuka;
>
> (c) apa perlu isteri tertuduh mengatakan 'abang polis cari' setelah SP4 menunjukkan kad kuasanya kerana SP4 tidak bertanya kepada isteri tertuduh, di mana tertuduh. Ini menunjukkan pembelaan ini adalah rekaan tertuduh semata-mata; dan
>
> (d) pihak pembelaan mencadangkan kepada SP4, isteri tertuduh memanggil tertuduh dengan kata-kata 'abang, polis cari atau 'polis nak jumpa'. Kedua-dua kata-kata ini berbeza maknanya. Yang mana satukah yang betul?. Ini menunjukkan keterangan mengenai 'abang, polis cari' atau 'polis nak jumpa' adalah keterangan rekaan tertuduh. Adalah jelas pembelaan tertuduh hanyalah 'mere denial'.

[32] Apa yang dinyatakan oleh SP5 dan dalam laporan polis P18 ialah SP4 memperkenalkan dirinya polis. Tidak dinyatakan bagaimana SP4 memperkenalkan dirinya kepada isteri perayu. Hakim perbicaraan telah menerima keterangan SP4 bahawa dia memperkenalkan dirinya kepada isteri perayu dengan menunjukkan kad kuasanya. Dalam hal ini kami berpendapat tiada alasan untuk kami mengganggu dapatan fakta hakim perbicaraan tentang isu ini kerana hakim perbicaraan memiliki kelebihan dalam menentukan sama ada keterangan SP4 boleh dipercayai atau tidak (lihat *Andy bin Bagindah v Public Prosecutor* [2000] 3 MLJ 644; [2000] 3 CLJ 289, *Dato Mokhtar Hashim & Anor v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 232). SP4 adalah seorang pegawai polis dan tidak ada sebab dia hendak memfitnah atau menganiayai perayu, oleh itu keterangannya boleh diterima (lihat *Public Prosecutor v Mohamed Ali* [1962] MLJ 257).

[33] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas kami tidak dapat menerima hujah peguamcara terpelajar perayu bahawa hakim perbicaraan telah tersilap apabila menerima keterangan SP4.

[34] Peguamcara terpelajar perayu seterusnya berhujah bahawa pihak pendakwa hendaklah memanggil isteri perayu untuk memberi keterangan kerana tanpa keterangan dari isteri perayu terdapat kelompongan dalam kes pihak pendakwa. Seterusnya peguamcara terpelajar perayu berhujah bahawa oleh kerana pihak pendakwa gagal memanggil isteri perayu untuk disoal balas oleh pihak pembela maka inferens yang bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 hendaklah dikenakan terhadap pihak pendakwa.

[35] Mengikut nota presiding, isteri perayu (Juita Hanum bt Abd Raof) telah ditawarkan kepada pihak pembela di akhir kes pendakwaan dan pihak pembela memaklumkan mereka memerlukan kehadiran isteri perayu. Isteri perayu ada hadir di mahkamah beberapa kali tetapi pada hari pihak pembela hendak memanggilnya sebagai saksi pembela isteri perayu tidak hadir di mahkamah.

[36] Pihak pendakwa bergantung secara eksklusif kepada keterangan SP4 dan SP5 untuk membuktikan kesnya terhadap perayu dan hakim perbicaraan telah berpuashati bahawa berdasarkan keterangan SP4 dan SP5 pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap perayu bagi kedua-dua pertuduhan. Kami bersetuju dengan dapatan hakim perbicaraan bahawa berdasarkan keterangan SP4 dan SP5 pihak pendakwa telah berjaya membuktikan bagi pertuduhan pertama bahawa perayu mempunyai milikan sebenar cannabis tersebut tanpa perlu memanggil isteri perayu memberi keterangan. Ini kerana SP4 dan SP5 melihat perayu memegang kedua-dua bungkusan yang berisi cannabis tersebut dan SP4 merampas kedua-dua bungkusan dadah tersebut daripada perayu. Kami juga bersetuju dengan

dapatan hakim perbicaraan berkaitan dengan pertuduhan kedua bahawa, berdasarkan keterangan SP4 dan SP5, beg P12 berada di dalam jagaan dan kawalan perayu. Oleh itu tidak terdapat kelompongan dalam kes pihak pendakwa walaupun isteri perayu tidak dipanggil sebagai saksi.

[37] Kami tidak dapat menerima hujah peguamcara terpelajar perayu bahawa inferens yang bertentangan patut dikenakan terhadap pihak pendakwa kerana gagal mengemukakan isteri perayu untuk disoal balas oleh pihak pembela. Ini kerana menurut nota prosiding isteri perayu ada hadir beberapa kali semasa perbicaraan dan selepas itu pihak polis tidak dapat mengesan isteri perayu apabila perayu ingin memanggilnya untuk memberi keterangan. Lagipun saksi ini adalah isteri perayu sendiri dan jika perayu betul-betul menghendaki dia memberi keterangan perayu boleh memastikan kehadirannya.

[38] Kami seterusnya menolak hujah penguamcara terpelajar perayu bahawa bagi pertuduhan pertama, berdasarkan keterangan yang ada, pihak pendakwa hanya berjaya membuktikan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kedua-dua bungkusan surat khabar tanpa mengetahui ia mengandungi cannabis. Adalah tidak munasabah untuk perayu tidak mengetahui kedua-dua bungkusan surat khabar itu mengandungi cannabis. Di samping itu menurut SP4 ketika SP4 menahan perayu, perayu dilihat dalam keadaan tergamam dan terkejut. Juga adalah menjadi pengetahuan umum bahawa cannabis mengeluarkan bau. Jadi, sudah semestinya perayu dapat bau cannabis tersebut. Kedua-dua ketulan cannabis itu tidak pun dibalut dengan plastik seperti dalam gambar P15B (lihat *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337).

[39] Kami telah menimbang dengan penuh teliti pembelaan perayu bersama-sama dengan keterangan saksi-saksi pihak pendakwa berkaitan pertuduhan pertama dan kami bersependapat dengan hakim perbicaraan bahawa pembelaan perayu bahawa semasa dia keluar daripada bilik tersebut dia tidak ada memegang apa-apa bungkusan adalah penafian semata-mata. Perayu mendakwa SP4 menganiayainya apabila SP4 menyatakan semasa perayu keluar dari bilik tersebut perayu sedang memegang dua bungkusan surat khabar. Hakim perbicaraan telah menerima keterangan SP4 dan kami juga berpendapat tidak ada sebab untuk SP4 mereka-reka cerita terhadap perayu. SP4 cuma menjalankan tugasnya dan tiada keterangan bahawa SP4 ada mengenali perayu sebelum itu atau SP4 ada bermusuhan dengan perayu.

[40] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas kami menolak rayuan perayu terhadap pertuduhan pertama dan dengan itu keputusan hakim perbicaraan ke atas pertuduhan pertama dikekalkan.

[41] Mengenai pertuduhan kedua peguamcara terpelajar perayu berhujah antara lainnya bahawa hakim perbicaraan tersalah arah apabila memutuskan perayu mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg P12. Dalam kes ini pihak pendakwa telah bergantung kepada keterangan ikut keadaan untuk membuktikan beg P12 berada dalam jagaan dan kawalan perayu. Rumah tersebut didiami oleh perayu dan isterinya dan bilik di mana beg P12 dijumpai oleh SP4 digunakan oleh perayu sebagai pejabat perniagaan kereta sewanya. Apabila SP4 sampai di rumah tersebut perayu dilihat keluar dari bilik tersebut.

[42] Di peringkat kes pendakwaan tiada keterangan untuk menunjukkan bilik tersebut ada diguna oleh orang lain. Di atas meja di dalam bilik tersebut terdapat dompet, buku akaun simpanan Bank Bumiputra dan buku akaun Giro kepunyaan perayu. Kami berpendapat berdasarkan penilaian maksimum keterangan yang ada pihak pendakwa telah berjaya membuktikan di akhir kes pendakwaan bahawa beg P12 berada dalam jagaan dan kawalan perayu. Oleh itu hakim perbicaraan membuat keputusan yang betul apabila beliau menggunakan anggapan di bawah s 37(d) Akta terhadap perayu untuk membuktikan perayu mempunyai milikan ke atas cannabis yang berada di dalam beg tersebut yang menjadi hal perkara kepada pertuduhan kedua.

[43] Di dalam pembelaannya perayu mengatakan beg P12 dan dadah di dalamnya adalah kepunyaan Rashid. Rashid yang meninggalkan beg P12 tersebut di situ. Sebelum itu Rashid tidur di dalam bilik tersebut.

[44] Hakim perbicaraan telah menolak pembelaan perayu tersebut dengan alasan, antara lainnya, bahawa tidak terdapat kesan tempat tidur dalam bilik tersebut dan semasa saksi-saksi pihak pendakwa memberi keterangan pihak pembela tidak mencadangkan beg P12 tersebut diletak oleh Rashid di dalam bilik tersebut. Hakim perbicaraan berpendapat watak dan peranan Rashid adalah 'an afterthought'.

[45] Berdasarkan keterangan SD2, seorang lelaki bernama Rashid juga dituduh mengedar dadah cannabis pada hari yang sama. Juga berdasarkan soalan balas oleh timbalan pendakwa raya ke atas perayu semasa perayu memberi keterangan memang tidak dipertikaikan seorang lelaki bernama Rashid sememangnya wujud dan perayu memang mengenali Rashid. Apa yang dipertikaikan oleh pihak pendakwa ialah beg P12 tersebut adalah kepunyaan Rashid dan Rashid ada bermalam di bilik tersebut.

[46] Oleh itu apabila hakim perbicaraan menyatakan di dalam penghakimannya bahawa 'watak dan peranan Rashid adalah 'an afterthought', kami berpendapat apa yang dimaksudkan oleh hakim perbicaraan ialah cerita perayu bahawa Rashid ada bermalam di bilik tersebut pada 31 Mei 2000 dan

kemudiannya dia meninggalkan beg P12 di dalam bilik tersebut adalah rekaan perayu sahaja. Hakim perbicaraan tidak bermaksud Rashid tidak wujud.

[47] Kami berpendapat hakim perbicaraan tidak melakukan apa-apa salah arahan dalam keputusannya apabila beliau menolak pembelaan perayu terhadap pertuduhan kedua mengenai isu kawalan dan jagaan beg P12 tersebut dan seterusnya memutuskan perayu telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan mengenai isu kawalan dan jagaan. Jika beg P12 tersebut kepunyaan Rashid kenapa dia perlu meninggalkan beg itu di dalam bilik tersebut pada hal Rashid mempunyai kereta dan ketika Rashid ditangkap cannabis juga dijumpai di dalam keretanya. Tidak apa apa-apa dokumen atau barang lain yang dijumpai dalam beg P12 untuk menunjukkan beg itu kepunyaan Rashid. Kami bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh hakim perbicaraan bahawa tidak ada apa-apa kesan atau tanda untuk menunjukkan ada orang tidur di dalam bilik tersebut. Bilik tersebut digunakan oleh perayu sebagai pejabatnya dan bukan untuk bilik tidur.

[48] Peguamcara terpelajar perayu membangkitkan isu bahawa hakim perbicaraan memutuskan isu keterangan fakta yang serupa ('similar facts evidence') berkaitan pertuduhan kedua. Dalam keputusannya hakim perbicaraan memberi pendapat sedemikian:

> Saya juga bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa dengan berjayanya pihak pendakwaan membuktikan pertuduhan pertama maka peruntukan s 15 Akta Keterangan terpakai di dalam kes ini. Ini merupakan kes 'similar facts evidence' seperti yang dibincangkan di dalam kes *Wong Yew Ming v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 31 ganja yang terdapat di dalam beg P12 juga dalam bentuk ketulan dan ketulan kecil yang telah dipotong. Keadaan ganja ini adalah hampir serupa dengan dua ketul ganja yang dirampas dari tangan tertuduh. Dari itu milikan tertuduh terhadap ganja yang dirampas dari dalam beg P12 bukanlah satu yang 'accidental' iaitu bukanlah ganja yang diletakkan oleh Rashid tetapi ganja milik tertuduh sendiri dan tertuduh mempunyai pengetahuan terhadapnya.

[49] Seperti yang kami nyatakan di atas hakim perbicaraan bergantung kepada peruntukan s 37(d) Akta untuk memutuskan perayu mempunyai milikan ke atas cannabis di dalam beg P12. Oleh itu kami berpendapat keputusan hakim perbicaraan mengenai isu keterangan fakta yang serupa tidak penting dalam kes ini kerana hakim perbicaraan tidak bergantung kepada keputusan tersebut untuk memutuskan perayu mempunyai milikan ke atas cannabis di dalam beg P12. Dengan itu kami berpendapat, kami tidak perlu menimbang hujah yang dibangkitkan oleh peguamcara terpelajar perayu tentang isu ini.

[50] Untuk membuktikan kesnya terhadap perayu bagi pertuduhan kedua pihak pendakwa perlu membuktikan dua unsur penting pertuduhan iaitu

pertamanya perayu memiliki cannabis tersebut dan keduanya, perayu mengedar cannabis tersebut. Untuk membuktikan unsur pengedaran pihak pendakwa boleh membuktikannya melalui keterangan langsung atau bergantung kepada anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta. Memandang di dalam kes ini hakim perbicaraan telah menggunakan anggapan di bawah s 37(d) Akta terhadap perayu bagi pertuduhan kedua maka mahkamah tidak boleh lagi menggunakan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) terhadap perayu.

[51] Kami telah meneliti alasan penghakiman hakim perbicaraan dan kami berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah tersalah arah apabila mensabitkan perayu dengan kesalahan mengedar dadah bagi pertuduhan kedua. Hakim perbicaraan telah tidak membuat dapatan atau keputusan berkaitan dengan isu pengedaran cannabis dalam pertuduhan kedua. Ini bermakna perayu tidak sepatutnya disabitkan di bawah s 39B(1)(a) Akta bagi pertuduhan kedua. Apa yang diputuskan oleh hakim perbicaraan ialah pihak pendakwa telah membuktikan kes pemilikan cannabis di bawah pertuduhan kedua melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu, iaitu kesalahan di bawah s 6 dibaca bersama-sama dengan s 39A(2) Akta.

[52] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas kami telah ketepikan sabitan dan hukuman ke atas perayu di bawah s 39B(1) Akta dan menggantikannya dengan sabitan di bawah s 6 dibaca bersama-sama s 39A(2) Akta. Setelah menimbang mitigasi untuk meringankan hukuman daripada peguamcara terpelajar perayu, kami telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun dari tarikh tangkap dan juga sepuluh sebatan rotan bagi kesalahan memiliki dadah cannabis tersebut. Hukuman ini pada pendapat kami adalah munasabah setelah mengambil kira semua faktor yang berkaitan dan khususnya kepentingan awam.

Rayuan perayu terhadap pertuduhan pertama ditolak dan rayuan perayu terhadap kesalahan kedua dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum